

# Butir naik gaji siap akhir tahun

17 SEP 1991

Oleh WAN HAMIDI HAMID

SUBANG, Isnin — Butir kenaikan gaji 350,000 kakitangan awam dijangka dapat disiapkan sebelum akhir tahun ini walaupun kerajaan masih memerlukan masa menyediakan laporan mengenainya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, penyediaan laporan itu masih memerlukan kajian lanjut walaupun semua butirnya kini berada di peringkat terakhir.

"Kajian itu belum selesai lagi. Walaupun ia kini di peringkat akhir, kadangkala kadang kita memerlukan masa lagi," katanya kepada pemberita sebelum berlepas ke Mexico untuk lawatan rasmi enam hari, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini, hari ini.

Ditanya mengenai peratusan kenaikan gaji itu, Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak boleh diumumkan lagi kerana Kabinet belum membuat sebarang

persetujuan.

"Soal peratusan (kenaikan gaji) kita tidak boleh beri tahu. Kabinet belum setuju apa-apa lagi," ujarnya.

Kenaikan itu berdasarkan penyusunan semula struktur pentadbiran awam yang membolehkan kakitangan awam menikmati peratusan kenaikan gaji yang berbeza mengikut tanggagaji masing-masing, iaitu mengikut kaedah 'mencukupkan kenaikan gaji' (topping up).

Pada 23 Januari lalu, Perdana Menteri mengumumkan kenaikan gaji lima peratus kepada semua kakitangan awam dalam pelarasan gaji sementara.

Kenaikan gaji sementara itu yang berkuatkuasa 1 Januari lalu membabitkan perbelanjaan tambahan kerajaan lebih \$400 juta. Hampir semua kakitangan awam sudah menerima kenaikan sementara itu sejak pertengahan tahun ini.

Tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam itu dikemukakan oleh Cuepacs da-

lam satu memorandum bersama dengan empat daripada lima Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) Pihak Pekerja pada 8 Oktober tahun lalu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan yang sudah membincangkan perkara itu dengan Cuepacs sejak awal tahun ini, turut berjanji untuk mengkaji pelarasan gaji kakitangan awam.

"Ini kita sedang lakukan sekarang dan ia adalah satu pelaksanaan kompleks yang mengambil masa," katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang turut ditemui, berkata butir mengenai kenaikan gaji itu masih dikaji oleh Jawatankuasa Pelarasan Gaji Kakitangan Awam yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri.

Beliau juga berharap kajian itu dapat disiapkan sebelum akhir tahun ini kerana proses penyediaan laporan kini berada di peringkat terakhir.